



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 23 DISEMBER 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**

Minda Pengarang



Persatuan berpakat menaikkan harga barang sabotaj ekonomi negara

Ketika rakyat dan negara berada dalam *mood* selesa, tenang serta reda kontroversi politik, tiba-tiba kita dikejutkan dengan tindakan beberapa persatuan perniagaan mahu menaikkan harga barang dan perkhidmatan menerusi media sosial mulai tahun depan.

Lanjutan daripada itu, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) membuka beberapa kertas siasatan terhadap persatuan serta ahli jawatankuasa kerana disyaki terbabit dalam perlakuan kartel dengan mengumumkan kenaikan harga perkhidmatan dan barangan.

Hakikatnya, jika melihat kepada prestasi ekonomi domestik dan antarabangsa, persatuan berkenaan tidak mempunyai asas kukuh untuk menaikkan harga barang dan perkhidmatan.

Jika benar seperti didakwa, persatuan terbabit seperti melakukan sabotaj terhadap ekonomi negara dan pada masa bakal menekan lagi kehidupan rakyat yang masih berdepan dengan kenaikan kos sara hidup serta inflasi.

Menaikkan harga barang secara tidak berpatutan hanya membebankan pengguna dan dalam keadaan tertentu, melanggar undang-undang negara. Jika benar berlaku, maka benarliah seperti didakwa wujud kartel menentukan harga barang dan perkhidmatan.

Persatuan perniagaan ini perlu sedar kenaikan harga barang akan memberi kesan negatif kepada masyarakat, ekonomi dan kestabilan sosial. Kehidupan golongan berpendapatan rendah dan sederhana akan terjejas apabila harga barang meningkat.

Peningkatan harga barang menjurus kepada inflasi, sekali gus melemahkan kestabilan ekonomi negara manakala golongan berpendapatan rendah menghadapi risiko lebih tinggi untuk jatuh ke dalam kancah kemiskinan akibat kenaikan kos kehidupan.

Bahkan, kenaikan harga barang tidak berasas boleh menimbulkan kemarahan rakyat, berpotensi mencetuskan protes atau ketidakstabilan sosial.

Ia bakal merisikokan kedudukan kerajaan kerana berdepan tekanan mengawal harga barang dan menangani isu pencatutan. Jika kerajaan gagal bertindak, rakyat pula akan hilang kepercayaan terhadap pemerintah. Ini boleh mencetuskan kacau ganggu politik.

Dalam hal ini, kerajaan menerusi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) tidak seharusnya membiarkan pakatan menaikkan harga daripada berlaku.

Pemantauan, kawalan dan penguatkuasaan perlu dipertingkatkan mulai sekarang. KPDN tidak perlu menunggu ada laporan dibuat daripada pengguna baru hendak bertindak.

Langkah intervensi awal perlu dilakukan KPDN bagi menghalang perancangan persatuan perniagaan mahu menaikkan harga barang dan pada masa sama memastikan peniaga mematuhi peraturan ditetapkan.

Akta ini memberi kuasa kepada kerajaan mengawal harga barangan dan perkhidmatan serta mencegah amalan pencatutan. Peniaga didapati menaikkan harga secara tidak munasabah perlu dikenakan tindakan undang-undang mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Mendepani isu ini, pengguna juga perlu memainkan peranan penting menjadi 'mata dan telinga' pihak kerajaan dengan memantau serta melaporkan sebarang kenaikan harga tidak munasabah berlaku.

Kerjasama antara pengguna dan agensi penguatkuasaan penting untuk memastikan wujudnya pasaran lebih adil dan paling penting melindungi kepentingan semua pihak.

Tidak boleh umum naik harga - MyCC

Oleh **FATIN NORIZATI MAT ISA**
norizati.isa@mediamalaysia.com.my

PETALING JAYA: Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) memberi amaran akan bertindak terhadap persatuan perniagaan yang mengumumkan kenaikan harga secara terbuka.

Pengerusi MyCC, Tan Sri Idrus Harun menyifatkan tindakan peniaga itu sebagai usaha mengaburi mata rakyat dan mempromosikan amalan kartel.

Ia sifatkan sebagai usaha kaburi mata rakyat, promosi amalan kartel

Katanya, ia bukan sahaja boleh mempengaruhi harga pa-

saran, malah berpotensi menjejaskan ekonomi serta menambah beban kos sara hidup rakyat.

Menurut beliau, maklumat yang diperoleh mendapati terdapat persatuan yang cuba menyamarkan keputusan mereka sebagai jangkaan kenaikan harga masa depan atau panduan harga, walhal ia sebenarnya adalah keputusan terancang berunsurkan kartel.

"MyCC tidak terkejut jika ada persatuan yang membuat

keputusan secara rahsia dengan harapan tindakan mereka tidak dapat dikesan kerana menyedari ia melanggar perundangan persaingan.

"Pengumuman sebegini boleh dikategorikan sebagai perjanjian anti persaingan kerana ia mencerminkan keputusan ahli jawatankuasa persatuan yang juga pesaing dalam industri," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Bersambung di muka 2

Tidak boleh umum naik harga - MyCC

Dari muka 1

Sebelum ini, beberapa pengusaha mengumumkan mereka dijangka menaikkan harga barangan dan perkhidmatan susulan peningkatan kos operasi dan bahan mentah.

Sebagai contoh, polisi insurans perubatan semakin membebankan apabila ia dijangka naik antara 40 hingga 70 peratus tahun depan.

Ini berikutan, notis yang dihantar oleh para penanggung polisi kepada pengguna memaklumkan mengenai kenaikan premium itu.

Dalam pada itu, tambah bas sekolah dijangka meningkat antara RM10 hingga RM20 menjelang sesi persekolahan tahun hadapan disebabkan kos penyelenggaraan yang semakin tinggi termasuk harga alat ganti serta pelaksanaan kadar gaji minimum baharu.

Selain itu, lebih 10,000 pengusaha kantin di seluruh negara dijangka menaikkan harga jualan makanan dan minuman melebihi 50 peratus bermula tahun depan selepas mereka menandatangani tender baharu.

Hal ini kerana, tender kantin sekolah dibuka setiap tiga tahun dan 10,000 pengusaha bakal memperbaharui kontrak masing-masing.

Tidak terkecuali, yuran bagi taman asuhan kanak-kanak (taska) juga dijangka meningkat bagi menampung kos operasi tambahan termasuk kenaikan gaji minimum, pembiayaan latihan dan kebajikan pekerja.

Mengulas lanjut, Idrus berkata, pengumuman harga yang dilakukan secara terbuka berfungsi sebagai isyarat kepada ahli persatuan lain untuk menyelaras tindakan kartel secara bersepadu.

Kata beliau, tindakan ini



memberi gambaran bahawa persatuan cuba menyusun strategi secara kolektif untuk mengawal harga di pasaran, sekali gus merugikan pengguna yang bergantung kepada harga berpatutan bagi keperluan harian," ujarnya.

"Taktik sedemikian bukan sahaja menyalahi undang-undang, malah mencetuskan ketidakseimbangan kerana ia melibatkan sektor penting seperti pengangkutan, kesihatan dan makanan yang merupakan keperluan asas rakyat.

"MyCC akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana perusahaan tanpa mengira saiz yang terlibat dalam perilaku kartel atau menggalakkan amalan tersebut," katanya.

Dalam pada itu, Idrus turut mengumumkan pindaan Akta Persaingan 2010 akan dibentangkan di Parlimen awal tahun depan bagi memperkasakan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan MyCC terha-

dap amalan kartel.

"Pindaan ini akan membolehkan tindakan yang lebih berkesan dikenakan terhadap kes sabotaj ekonomi seperti kartel melalui penalti yang lebih berat," katanya.

Selain itu, Idrus menyeru ahli persatuan yang tidak bersetuju dengan tindakan kartel untuk melaporkan perkara tersebut kepada MyCC.

"Kami menyediakan saluran aduan melalui laman web rasmi MyCC untuk memastikan kegiatan sebegini dapat dihentikan," jelasnya.

Beliau turut menegaskan jawatan atau keahlian persatuan bukanlah lesen untuk menghalalkan perlakuan kartel yang menekan pengguna dan menjejaskan persaingan sihat dalam pasaran.

"MyCC komited memastikan pasaran tempatan kekal adil dan telus bagi melindungi kepentingan pengguna," jelasnya.



Action to stem cartel practices

KUALA LUMPUR: The Malaysia Competition Commission (MyCC) will focus on taking stern action against companies of all sizes displaying cartel elements and associations that encourage such practices.

Its chairman Tan Sri Idrus Harun said the commission would act without fear or favour and remains committed to protecting the interests of consumers and ensuring healthy competition in the market.

"MyCC expresses regret over recent actions of some associations, including in announcing price hikes, setting minimum prices for services and goods, and imposing new trade conditions that have had a negative impact on the people's cost of living.

"This matter raises concerns as it involves critical sectors such as transport, care services, health and food, which are the people's basic needs," he said in a statement.

Idrus said MyCC seriously views the actions of associations that had made statements regarding the issue, especially through the media, without considering the impact on the people.

He said based on information obtained, an association, through its leader, had attempted to mislead the public by claiming that the announced price increase was merely an expected future rise or a guide price, when in fact, it was the result of a decision influenced by cartel practices.

"MyCC would not be surprised if associations made secret decisions, hoping their actions would go undetected, as they are aware that such conduct violates competition laws."

Idrus said such an announcement could be considered an anti-competitive agreement or cartel, as it involved a decision by association committee members who were also competitors within the industry.

He added that the announcement could be seen as a signal from the association to its members, intended to widely disseminate the decision and ensure that members carried out the cartel in a coordinated manner.

MyCC welcomes cooperation of all parties, who disagree with cartel practices.

Complaints can be made directly to the MyCC office, or at www.mycc.gov.my/bm/membuat-ajuan or complaints@mycc.gov.my, with confidentiality guaranteed for whistleblowers and complainants. – Bernama



Action to stem cartel practices

KUALA LUMPUR: The Malaysia Competition Commission (MyCC) will focus on taking stern action against companies of all sizes displaying cartel elements and associations that encourage such practices.

Its chairman Tan Sri Idrus Harun said the commission would act without fear or favour and remains committed to protecting the interests of consumers and ensuring healthy competition in the market.

"MyCC expresses regret over recent actions of some associations, including in announcing price hikes, setting minimum prices for services and goods, and imposing new trade conditions that have had a negative impact on the people's cost of living.

"This matter raises concerns as it involves critical sectors such as transport, care services, health and food, which are the people's basic needs," he said in a statement.

Idrus said MyCC seriously views the actions of associations that had made statements regarding the issue, especially through the media, without considering the impact on the people.

He said based on information obtained, an association, through its leader, had attempted to mislead the public by claiming that the announced price increase was merely an expected future rise or a guide price, when in fact, it was the result of a decision influenced by cartel practices.

"MyCC would not be surprised if associations made secret decisions, hoping their actions would go undetected, as they are aware that such conduct violates competition laws."

Idrus said such an announcement could be considered an anti-competitive agreement or cartel, as it involved a decision by association committee members who were also competitors within the industry.

He added that the announcement could be seen as a signal from the association to its members, intended to widely disseminate the decision and ensure that members carried out the cartel in a coordinated manner.

MyCC welcomes cooperation of all parties, who disagree with cartel practices.

Complaints can be made directly to the MyCC office, or at www.mccc.gov.my/bm/membuat-aduan or complaints@mccc.gov.my, with confidentiality guaranteed for whistleblowers and complainants. – Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM

Shah Alam: Harga sayur-sayuran di pasaran masih tidak menentu memasuki minggu keempat tanpa menunjukkan tanda-tanda penurunan ketara.

Berdasarkan tinjauan di Pasar Moden, Seksyen 6, Shah Alam, Selangor semalam, harga sayur-sayuran masih dijual pada harga 40 peratus lebih tinggi berbanding sebelumnya.

Peniaga sayur-sayuran, Mohd Zulfadhli Mohd Ismail, 42, berkata, faktor cuaca, bencana banjir dan tanah runtuh menyumbang kepada kenaikan harga sayur-sayuran.

"Kebanyakan sayur-sayuran dijual datangnya dari ladang di tanah tinggi Cameron Highlands. Namun cuaca tidak menentu menyebabkan harga sayur-sayuran terus mengalami kenaikan ketara.

"Sebagai contoh sayur sa-

Harga sayur masih mahal



Sebagai contoh sayur salad yang dijual pada harga RM12 sekilogram (kg) sebelum ini terpaksa dijual pada harga RM20 kini"

Zulfadhli

lad yang dijual pada harga RM12 sekilogram (kg) sebelum ini terpaksa dijual pada harga RM20 kini," katanya.

Seorang lagi peniaga sayur, Norazmi Rosman, 44, berkata, terdapat penurunan bagi sayur

kangkung, bayam dan sa-



HARGA sayur-sayuran masih dijual pada harga 40 peratus lebih tinggi berbanding sebelumnya.

wi semalam berbanding minggu lalu.

"Saya menjual sayur ini pada harga RM4 sekilogram berbanding RM8 sekilogram minggu lalu.

"Bagaimanapun harga kacang panjang, kobis dan timun masih kekal tinggi dan tiada penurunan keta-

ra," katanya.

Dia berkata, harga sayur-sayuran turut ditentukan oleh pemborong yang membekalkan sayur-sayuran itu kepada peniaga.

Sementara itu peniaga santan, Mohamad Zuhaily, 22, berkata, harga kelapa masih tinggi susulan kesu-

karan mendapatkan bekalan kelapa dari Bagan Datuk, Perak selain Sabak Bernam dan Tanjung Karang, Selangor.

"Akibatnya pemborong terpaksa mengimport kelapa dari Indonesia. Keadaan ini memberi kesan kepada kenaikan harga sebiji kelapa yang kini dijual pada harga RM2.70 hingga RM2.80 sebiji berbanding RM1.90 sebelum ini.

"Harga kelapa parut yang dijual RM10 turut terpaksa dinaikkan kepada RM12 sekilogram. Manakala harga santan turut dijual pada harga RM17 sekilogram berbanding RM15 sekilogram sebelum ini," katanya.

Seorang lagi peniaga kelapa, Abdul Kamil Ismail, 39, mengakui stok bekalan kelapa yang berkurang menjadi punca kenaikan harga kelapa parut dan santan.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 23 DISEMBER 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
23-Dec	KPDN umum 14 barang terkawal di bawah SHMMP Krismas 2024	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/12/1339405/kpdn-umum-14-barang-terkawal-di-bawah-shmmp-krismas-2024	BERITA HARIAN
23-Dec	SHMMP libat 14 barang sempena Krismas mulai Isnin ini	https://www.tvsarawak.my/2024/12/20/shmmp-libat-14-barang-sempena-krismas-mulai	TV SARAWAK
23-Dec	KPDN umum 14 barang terkawal di bawah SHMMP Krismas 2024 bermula Isnin ini	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-umum-14-barang-terkawal-di-bawah-shmmp-krismas-2024-bermula-isnin-ini/	BULETIN TV3
23-Dec	Skim harga maksimum sempena Krismas libat 14 barang	https://malaysiagazette.com/2024/12/20/skim-harga-maksimum-sempena	MALAYSIA GAZETTE
23-Dec	Pengarah, syarikat pembungkus minyak masak didenda RM240,000 beri maklumat palsu	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1167898/pengarah-syarikat-pembungkus-minyak-masak-didenda-rm240000-	HARIAN METRO
23-Dec	Beri maklumat palsu: Pengarah, syarikat pembungkus minyak masak didenda RM240,000	https://www.buletintv3.my/mahkamah/beri-maklumat-palsu-pengarah-syarikat-pembungkus-minyak-masak-didenda-rm240000/	BULETIN TV3
23-Dec	Pemain industri harap kerangka perundangan e-dagang wujudkan persekitaran menang-menang	https://www.buletintv3.my/detik-niaga/pemain-industri-harap-kerangka-perundangan-e-dagang-wujudkan-persekitaran-menang-menang/	BULETIN TV3
23-Dec	Shopee Rai Lokal Strengthens Local Communities, Drives Digital Economy	https://thesun.my/business-news/media-outreach/shopee-rai-lokal-strengthens-local-communities-drives-digital-economy-NC13443871	THE SUN
23-Dec	Mydin & KPDN lancar inisiatif Bangga Buatan Lokal	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1168002/mydin-kpdn-lancar-inisiatif-bangga-buatan-lokal	HARIAN METRO

23-Dec	Mydin kerjasama dengan KPDN lancar inisiatif Bangga Buatan Lokal	https://www.malay.news/mydin-kerjasama-dengan-kpdn-lancar-inisiatif-bangga-buatan-lokal/	MALAY NEWS
23-Dec	Penipuan pakej pelancongan ke Korea Selatan, PDRM terima 24 laporan	https://astroawani.com/berita-malaysia/penipuan-pakej-pelancongan-korea-selatan-pdrm-terima-24-laporan-501320	ASTRO AWANI
23-Dec	Polis terima 24 laporan tipu pakej pelancongan ke Korea Selatan	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1167972/polis-terima-24-laporan-tipu-pakej-pelancongan-ke-korea-selatan	HARIAN METRO
23-Dec	24 laporan polis berhubung penipuan pelancongan mempengaruhi	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1167940/24-laporan-polis-berhubung-penipuan-pelancongan-	HARIAN METRO
23-Dec	Police: 24 reports filed over alleged South Korea travel package scam involving RM454,450 linked to Malaysian influencer	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/12/19/police-24-reports-filed-over-alleged-south-korea-travel-package-scam-involving-rm454450-linked-to-malaysian-influencer/160449	MALAY MAIL
23-Dec	Penipuan pakej pelancongan ke Korea Selatan, 24 mangsa terpedaya	https://suarasarawak.my/penipuan-pakej-pelancongan-ke-korea-selatan-24-mangsa-terpedaya/	SUARA SARAWAK
23-Dec	24 laporan berkait Kim Seri, mangsa kerugian hampir RM500,000	https://www.kosmo.com.my/2024/12/19/24-laporan-berkait-kim-seri-mangsa-kerugian-hampir-rm500000/	KOSMO
23-Dec	PM akan umum laporan kartel padi, beras	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1167928/pm-akan-umum-laporan-kartel-padi-beras	HARIAN METRO
23-Dec	Mat Sabu: New initiatives to tackle rice industry cartels by next year	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/12/1150507/mat-sabu-new-initiatives-tackle-rice-industry-cartels-next-year	NEW STRAITS TIMES

23-Dec	Tidak boleh umum naik harga – MyCC	https:// www.utusan.com.my/ nasional/2024/12/tidak- boleh-umum-naik-harga-	UTUSAN MALAYSIA
23-Dec	Tidak boleh umum naik harga – MyCC	https:// themalaytribune.com/tidak- boleh-umum-naik-harga-	THE MALAY TRIBUNE
23-Dec	Langgar syarat perniagaan: 33 premis kena kompaun, sita	https:// www.utusan.com.my/ berita/2024/12/langgar- syarat-perniagaan-33-	UTUSAN MALAYSIA
23-Dec	Premis dimonopoli warga asing kena serbu	https://www.malay.news/ premis-dimonopoli-warga- asing-kena-serbu/	MALAY NEWS
23-Dec	Premis dimonopoli warga asing kena serbu	https:// www.hmetro.com.my/ mutakhir/2024/12/1168925/ premis-dimonopoli-warga-	HARIAN METRO
23-Dec	Promosi amalan kartel: MyCC kecam persatuan sengaja umum kenaikan harga	https:// www.utusan.com.my/ berita/2024/12/promosi- amalan-kartel-mycc-kecam- persatuan-sengaja-umum-	UTUSAN MALAYSIA